

18/10/1998

Khazanah Maritim terkaya di dunia

iewed by Ramli Abdul Samad

MALAYSIA terletak di jalur tropika Khatulistiwa dan di perairan Indo-Pasifik, yakni disempadani Lautan Hindi di barat dan Lautan Pasifik di timur. Ini bermakna kawasannya memilik di daratan hutan hujan tropika dan di dasar lautnya satu khazanah maritim yang pelbagai.

Perihal hutan hujan tropika Malaysia boleh dikira sudah banyak didokumentasikan meskipun banyak lagi yang harus diselidik. Perihal khazanah maritim Malaysia tidak banyak diketahui dan segala usaha yang dibuat untuk memaklumkan khazanah maritim Malaysia adalah amat dialukan.

Seorang rakyat tempatan berasal dari Sarawak, Michael Patrick Wong sudah menghasilkan sebuah buku yang merakam secebis aspek dari khazanah maritim Malaysia. Walaupun secebis, maklumat yang disusun ke dalam sebuah buku berbentuk rakaman gambar sungguh bersifat berinformasi dan mendidik pada pembaca, khasnya dari kalangan rakyat Malaysia, akan betapa kaya dan pelbagai khazanah maritim itu.

Wong mengambil masa tidak kurang lapan tahun untuk mengumpul dan menyusun satu rakaman yang sudah tentunya boleh memberi pembaca semacam satu penghayatan khazanah maritim Malaysia mungkin adalah yang terunik dan terkaya di dunia.

Penjelajahan beliau yang bermula dari Pulau Payar di barat Semenanjung, terus ke Laut China Selatan dan akhirnya di kepulauan Sabah, termasuk Pulau Sipadan hanya membuktikan Malaysia mempunyai banyak pulau indah. Dan di tengah-tengah kilauan perairan maritim itu, Malaysia memiliki satu kehidupan yang masih hidup dalam keadaan alam sekitar bersih, jernih dan lestari sehingga kini.

Pelbagai jenis udang, sotong, ketam, penyu, terumbu karang yang mewarnai perairan Malaysia. Semua elemen itu bagaikan menghasilkan sebuah taman firdaus di dasar laut. Itu baru temuan saja, belum lagi diceritakan mengenai alam ekosistem yang amat kompleks itu.

Terlalu banyak misteri yang belum terkuak lagi daripada hasil penjelajahan Wong. Dengan itu, alam sekitar maritim Malaysia harus dijaga baik-baik seperti dipesankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kata-kata aluan pada buku ini.

Buku yang terbahagi kepada empat bab sekadar membuka cerita sedikit akan kebesaran alam semula jadi di dasar lautan. Penghuni-penghuninya yang hidup aman damai dalam suasana hening dan sunyi menyimpan seribu satu rahsia.

Buku setebal 248 muka surat ini sarat dengan tidak kurang 300 gambar bermutu tinggi jika tidak setanding dengan gambar bertaraf antarabangsa. Menatapi setiap gambar pembaca akan terharu dengan betapa indahnya alam maritim Malaysia. Pesat tersirat sudah tentunya kita tidak mahu alam sekitar itu dinodai sedikitpun.

Kawasan maritim Malaysia adalah satu kawasan yang amat luas. Misalnya persekitaran Laut China Selatan yang merangkumi 3,400,000 kilometer persegi, ada lebih kurang 200 spesies ikan dan 20 kawasan terumbu karang. Malaysia juga berselerak dengan lebih dari 1,000 pulau.

Harga buku ini agak mahal tetapi khazanah lautan yang dipaparkannya tidak boleh dinilai dengan wang.

(END)